



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FUNGSI DAN SIMBOLISME PUISI PENGAP DALAM GAWAI PANGKUNG TIANG

BEJAMIN ANAK LIAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FUNGSI DAN SIMBOLISME PUISI PENGAP DALAM GAWAI PANGKUNG TIANG

BEJAMIN ANAK LIAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

**FALKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UPSI/IPS-3/BO 32

Pind : 00 m/s: 1/1

Please tick (✓)



Project Paper
Masters by Research
Master by Mixed Mode
PhD

✓

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 6 Julai 2021

i. **Perakuan Pelajar:**

Saya, BEJAMIN ANAK LIAM (M20171000705), FALKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk FUNGSI DAN SIMBOLISME PUSSI PENGAP DALAM GAWAI PANGKUNG TIANG adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. **Perakuan Penyelia:**

Saya, PROF. MADYA. DR. CHEMALINE ANAK OSUP dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk FUNGSI DAN SIMBOLISME PUSSI PENGAP DALAM GAWAI PANGKUNG TIANG dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN BAHASA IBAN.

9 OGOS 2021

CHEMALINE ANAK OSUP

Date

Signature of the Supervisor



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH/
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: FUNGSI DAN SIMBOLISME PUSSI PENGAP DALAM GAWAI PANGKUNG TIANG

No. Matrik / Matric's No.: M20171000705

Saya / I: BEJAMIN ANAK LIAM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows: -

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuan Bainun dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan Salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972 /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. /
Contains restricted information as specified by the organization where research was done

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**BEJAMIN****CHEMALINE**

(Tandatangan Pelajar / Signature)
BEJAMIN ANAK LIAM

(Tandatangan Penyelia /Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 9 OGOS 2021





PENGHARGAAN

Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan limpah dan keizinanNya memberi kekuatan dan peluang saya untuk menyempurnakan tesis bertajuk Fungsi dan Simbolisme Puisi *Pengap Dalam Gawai Pangkung Tiang*. Tesis ini tidak dapat disiapkan sekiranya tidak mendapat sokongan dan kerjasama dari semua pihak. Komitmen tinggi dan sokongan moral diperolehi daripada beberapa pihak seperti Jabatan Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tun Jugah Foundation, Maktab Perguruan Rejang dan sebagainya.

Pada kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia tesis saya iaitu Prof. Madya Dr. Chemaline Anak Osup kerana banyak memberikan pengetahuan, bimbingan dan tunjuk ajar untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada keluarga tercinta iaitu emak dan ayah, Liam anak Jambo dan Rimba anak Atang serta ahli keluarga lain seperti isteri tercinta kerana banyak berkorban dan memberi sokongan serta iringan doa tulus ikhlas agar tesis ini dapat disiapkan.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak untuk menyiapkan tesis ini. Saya memohon ampun dan maaf seandainya terdapat kecacatan dalam tesis ini. Semoga tesis ini dapat menjadi sumber rujukan pada masa akan datang.

Sekian Terima Kasih.





ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka puisi *pengap gawai pangkung tiang* dalam masyarakat Iban untuk menganalisis unsur-unsur simbolisme dan fungsinya serta menghuraikan ritual yang dijalankan. Kaedah kajian yang telah digunakan adalah pendekatan kualitatif yang menggabungkan kajian kepustakaan dengan kajian lapangan. Data diperoleh melalui pemerhatian dan temu bual serta dianalisis menggunakan Model Bogdan dan Biklen (2007) dan Model Tesch (1990) untuk menjelaskan unsur-unsur simbolisme serta fungsi puisi *pengap* tersebut. Sampel kajian diperolehi daripada *penghulu*, *tuai rumah*, *tuai burung* dan *lemambah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa fungsi *pengap* adalah untuk memohon keberkatan, perlindungan, kesihatan dan rezeki daripada deiti atau dewa. Kesimpulannya, unsur-unsur simbolisme dalam puisi *pengap* seperti simbol habitat, alam kosmos, deiti, manusia, tempat dan benda hidup menunjukkan makna khusus dalam konteks fungsi ritual yang dijalankan oleh masyarakat Iban tradisional. Implikasinya ialah puisi *pengap* ini dijalankan secara tertib berlandaskan peringkat-peringkat tertentu dalam komuniti etnik Iban sekaligus menjelaskan mengapa ia masih relevan kepada guru yang mengajar komponen estetik dalam mata pelajaran Bahasa Iban.





FUNCTION AND SYMBOLISM OF PENGAP POETRY IN GAWAI PANGKUNG TIANG

ABSTRACT

This study attempts to explore the poetry of *pengap gawai pangkung tiang* in Iban society to analyze the elements of symbolism and its function as well as to describe the rituals performed. The research method employed was a qualitative approach that combines literature review with field research. The data are obtained through observations and interviews and analyzed using the Bogdan and Biklen Model (2007) and the Tesch Model (1990) in explaining the elements of symbolism as well as the functions of the *pengap* poetry. The research samples were *penghulu*, *tuai rumah*, *tuai burung* and *lemambang*. The research findings indicated that the function of *pengap* is to seek blessings, protection, health and sustenance from the deities. In conclusion, the elements of symbolism in *pengap* poetry such as symbols of habitat, cosmos, deities, humans, places and non-living things have special meanings in the context of ritual functions performed by the traditional Iban society. The implication of this study is that *pengap* poetry is conducted in an orderly manner in the Iban ethnic community, thus explaining why it is still relevant to teachers who are teaching the aesthetic components in the Iban language subject.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	11
1.3 Asal Usul dan Keunikkan <i>Gawai Pangkung Tiang</i>	22
1.4 Pernyataan Masalah	27
1.5 Objektif Kajian	30
1.6 Persoalan Kajian	30
1.7 Kepentingan Kajian	31
1.8 Batasan Kajian	32
1.9 Definisi Istilah dan Operasional	33





1.9.1 Pengenalan	33
1.9.2 Fungsi	33
1.9.3 Simbolisme	34
1.9.4 Puisi	35
1.9.5 <i>Pengap</i>	36
1.9.6 <i>Gawai Pangkung Tiang</i>	37
1.10 Kesimpulan	39

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	42
2.2 Sorotan Literatur	43
2.2.1 Adat dan budaya Iban	43
2.2.2 <i>Pengap</i> Dalam Masyarakat Iban	45
2.3 Sorotan Literatur Berkaitan	47
2.4 Sorotan Literatur Kajian	52
2.5 Kerangka Konsep Kajian	60
2.5.1 Teori Semiotik	61
2.5.1.1 Prinsip Teori Semiotik	66
2.5.2 Teori Budaya	68
2.6 Kesimpulan	76

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	77
3.2 Reka Bentuk Kajian	78





3.2.1	Kerangka Teoritikal	82
3.2.2	Aplikasi Teori	83
3.3	Kaedah Kajian	86
3.3.1	Kajian Lapangan	88
	3.3.1.1 Pemerhatian di lapangan	89
3.3.2	Kajian Kepustakaan	92
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	94
3.4.1	Persampelan Bertujuan	95
3.4.2	Rasional Pemilihan Informan	95
3.5	Kaedah Pengumpulan Data	99
3.5.1	3.5.1.1 Temu Bual	101
3.6	Instrumen Kajian	104
3.6.1	Data Primer	105
3.6.2	Data Sekunder	106
3.6.3	Teks sebagai Instrumen	107
3.7	Kaedah Analisis Data	108
3.7.1	Analisis Secara Serentak	108
3.7.2	Analisis Data Temu Bual	113
3.8	Kesimpulan	115

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	116
4.2	Fungsi Puisi <i>Pengap</i> Dalam <i>Gawai Pangkung Tiang</i>	118





4.2.1	Perlindungan	119
4.2.2	Kesihatan	119
4.2.3	Rezeki	120
4.3	Unsur-Unsur Simbolisme Dalam <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	121
4.3.1	Simbol Habitat	123
4.3.2	Simbol Manusia	131
4.3.3	Simbol Alam Kosmos	132
4.3.4	Simbol Tempat	133
4.3.5	Simbol Dewa/Deiti	134
4.3.6	Simbol Benda Bukan Hidup	136
4.4	Ritual <i>Mengap Gawai Pangkung Tiang</i>	140
4.4.1	Membuat <i>Pantar</i>	141
4.4.2	Upacara <i>Miring</i> di <i>Pantar</i> dan Mengalukan Kedatangan <i>Lemambahang</i>	142
4.4.3	<i>Lemambahang Bersundang</i> di Rumah	143
4.4.4	<i>Miring</i> dan Membuat <i>Pandung</i>	143
4.4.5	<i>Berayah</i>	146
4.4.6	<i>Lemambahang Mengap Besundang</i> di <i>Ruai</i>	147
4.4.7	<i>Lemambahang Mengap</i> Membuat <i>Pandung</i>	148
4.4.8	<i>Miring Tiang Pemun</i>	149
4.4.9	Upacara <i>Mengap Tiang Pemun</i>	150
4.4.10	<i>Ngerandang Jalai</i> dan <i>Nyugu Babi</i>	151
4.4.11	<i>Ngua Minta Pengaruh</i> (Meminta Azimat)	152



4.4.12	<i>Ngalu Pengabang</i> (Mengalukan Dewa)	152
4.4.13	Upacara <i>Nginti</i> (Memancing)	153
4.4.14	Upacara Korban	153
4.4.15	Tuan Rumah Memberi Upah	154
4.4.16	<i>Lemambah Ninggalka Piring Antu Ribut</i> (Meninggalkan Piring Persembahan Dewa Angin)	154
4.5	Kesimpulan	155
BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	156
5.2	Rumusan Kajian	157
5.3	Dapatan Kajian	159
5.3.1	Fungsi Puisi <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	159
5.3.2	Unsur Simbolisme dalam <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	160
5.3.3	Ritual <i>Mengap Gawai Pangkung Tiang</i>	160
5.4	Kesimpulan Dapatan Kajian	162
5.5	Implikasi Dapatan Kajian	164
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	166
5.7	Kesimpulan	167
RUJUKAN		168
INFORMAN		177
LAMPIRAN		179



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Kategori <i>Pengap</i>	2
3.1 Pemilihan Informan	95
4.1 Fungsi Puisi <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	118
4.2 Unsur Simbolisme Dalam <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	123
4.3 Simbol Habitat	123
4.4 Simbol Binatang	126
4.5 Simbol Serangga	127
4.6 Simbol Ikan	128
4.7 Simbol Burung	129
4.8 Simbol Tumbuhan	130
4.9 Simbol Manusia	132
4.10 Simbol Alam Kosmos	133
4.11 Simbol Tempat	134
4.12 Simbol Dewa/Deiti	136
4.13 Simbol Benda Bukan Hidup	137
4.14 Simbol Batu	138
4.15 Simbol Peralatan	139
4.16 Simbol Ubat	140





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Kerangka Konsep Kajian	61
2.2 Aplikasi Teori Semiotik Berlandaskan Kristeva (1980)	62
2.3 Konsep Semiotik Dalam <i>Pengap Gawai Pangkong Tiang</i> (1976)	66
2.4 Aplikasi Teori Budaya Berlandaskan Konsep Levi – Strauss (1971)	68
2.5 Aplikasi Teori Budaya	71
3.1 Reka Bentuk Kajian	78
3.2 Kerangka Teoritikal Kajian	83
3.3 Proses Penyelidikan	84
3.4 Kaedah Kajian Adaptasi dari Esterberg (2002)	88
3.5 Pemerhatian Menurut Creswell (2003)	89
3.6 Proses Pengumpulan Data Adaptasi dari Creswell (2003)	101
3.7 Kaedah Analisis Data	108
3.8 Analisis Secara Serentak diadaptasi dari Bogdan & Biklen (2007)	111
3.9 Kaedah Analisis Teks Temu bual Model Tesch (1990)	113
4.1 Aplikasi Analisis Data Model Bogdan dan Bigken (2007)	117
4.2 Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	125
4.3 Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	127
4.4 Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	128
4.5 Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	129
4.6 Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	130





4.7	Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	131
4.8	Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	133
4.9	Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	134
4.10	Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	135
4.11	Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	137
4.12	Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	139
4.13	Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Gawai Pangkung Tiang</i>	139
4.14	<i>Piring di Pantar</i> (Sumber: Kajian Lapangan)	141
4.15	<i>Pandung</i> (Sumber: Kajian Lapangan)	148
4.16	Data Rakaman Rangkap <i>Pengap Pangkung Tiang</i>	151





SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BTP	Bahagian Teknologi Pendidikan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
KBSM	Kurikulum Bersepadu
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TS25	Program Pembangunan Sekolah 2025





SENARAI LAMPIRAN

- A Teks *Pengap Gawai Pangkung Tiang* (*Pengap Perayaan Pindah Rumah*)
- B Teks *Pengap Gawai Burung* (*Pengap Perayaan Burung*)
- C Teks *Pengap Gawai Sakit* (*Pengap Perayaan Penyembuhan*)
- D Soalan Temu Bual Semi Berstruktur
- E Upacara *miring di pantar*
- F *Piring di pandung* utama
- G Upacara *miring di ruai dan bebiau*
- H *Lemambah besundang di ruai*
- I Upacara korban
- J Meramal jantung babi
- K *Berayah dan muai pukat*
- L Contoh Transkrip Temu Bual





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan budaya masyarakat Iban yang bertajuk “Fungsi dan simbolisme puisi *pengap* dalam *gawai pangkung tiang*”. Kajian ini memberi fokus kepada fungsi puisi *pengap* yang dilafazkan semasa perayaan pindah rumah yang dinamakan *gawai pangkung tiang*. *Pengap* sangat penting dilafazkan semasa *gawai pangkung tiang* untuk memberkati rumah supaya kukuh serta melindungi penghuni rumah daripada kejadian yang tidak diingini di masa hadapan. Kajian yang dijalankan tertumpu kepada *leka main* puisi rakyat Iban kategori invokasi iaitu *pengap* (zikir ritual) yang dilafazkan oleh *lemambang* (orang yang mahir tentang *leka main*).





Mengap ialah persembahan *lemambahang* yang sedang menyanyikan puisi *pengap*. Nyanyian ini melibatkan lebih kurang empat orang *lemambahang* yang terdiri daripada seorang ketua dan tiga orang pembantu. Menurut Richards (1981, p. 121), *pengap* ialah *leka main* (puisi) untuk menyeru Tuhan bagi tujuan memohon keberkatan. Sutlive dan Sutlive (1994, p. 201), menyebut *pengap* sebagai “*an invocation of deities sung at major festivals*”. *Pengap* sangat penting dalam pemikiran tradisi masyarakat Iban (Steinmayer, 1999, p. 105). *Pengap* merupakan sejenis puisi invokasi masyarakat Iban yang memaparkan keindahan bahasa. Antara contoh-contoh *pengap* ialah *pengap gawai umai*, *pengap gawai burung*, *pengap gawai tajau*, *pengap gawai sakit*, *pengap gawai pangkung tiang* dan *pengap gawai tuah* (Janang Ensiring, 2015, p. 857).



Kategori Pengap

Pengap

- *Pengap gawai umai*
- *Pengap gawai burung*
- *Pengap gawai tanju*
- *Pengap gawai sakit*
- *Pengap gawai pangkung tiang*
- *Pengawap gawai tuah*

Buku *Sereba Reti Jaku Iban* membahagikan *leka main* kepada dua kata dasar. *Leka* bermaksud biji benih. *Leka* dalam puisi Iban merujuk kepada isi puisi yang disampaikan oleh *lemambahang*. *Leka* dalam kamus dewan bahasa edisi ke-4 (2016, p. 910), bermaksud “asyik” ataupun “leka melakukan sesuatu”. Sutlive dan Sutlive (1994, p. 132), *leka* bermaksud biji tetapi dalam konteks ini, ia bererti perkataan. Buku *Sereba Reti Jaku Iban* menjelaskan *main* ialah aktiviti yang menghiburkan supaya hati sentiasa senang. Ia






membawa maksud sebab dan kenapa sesuatu perkara tersebut terjadi. *Main* adalah salah satu proses ritual menurut Richard (1997, p. 202). Menurut Kamus Dewan Iban-Melayu Edisi kedua (2016, p. 369), *leka* ialah kata-kata yang menjadi perhatian dalam ucapan. Dengan itu, *leka* mempunyai maksud yang penting apabila diungkapan. Manakala, *main* ialah nyanyian atau puisi tradisional orang Iban seperti *ramban*, *ganu*, *pantun* dan lain-lain (Kamus Dewan Iban-Melayu (Edisi kedua), 2016, p. 406). Dua kata dasar digabungkan menjadi *leka main* membawa maksud yang tersendiri.

Leka main membawa maksud sesuatu yang dilafazkan melalui puisi yang membawa maksudnya tersendiri. Ini tidak dilafazkan dengan sesuka hati tetapi mesti mempunyai niat yang betul. *Leka main* bukan perkara main-main tetapi satu bentuk pengucapan yang terhasil daripada imaginasi, daya cipta dan realiti budaya mereka yang mempunyai estetika, tema dan bentuknya yang unik dan tersendiri (Chemaline, 2006, p. 15).

Leka main (puisi) kaum Iban terbahagi kepada tiga dan dikategorikan mengikut fungsinya iaitu *leka main* hiburan, *leka main* adat basa dan *leka main* invokasi. *Leka main* hiburan selalunya dilafazkan ketika masa lapang seperti *pantun*, *ganu*, *ramban*, *jawang*, *sugi*, *renong semain*, *ensera* (epik atau saga), *entelah*, *pelandai karung*, dan *pelandai ara*. *Leka main* adat digunakan semasa perayaan perkahwinan serta lain-lain perayaan seperti *renong adat*, *tanya indu*, *pantun meri ngirup*, *dungai ngerasukka tinchin*, *ai ansah*, *geliga* dan *kujuk pangang* (Chemaline, 2006, p. 19). *Leka main* invokasi pula selalunya berkait rapat dengan kepercayaan dan ritual orang Iban seperti *sampi*, *timang*, *pengap*, *pelian*, *sugi*



sakit, renong sakit,sabak dan *ngelaluka Petara*. Mereka meminta keberkatan daripada *Petara* (Tuhan) sama ada untuk penyembuhan, keberkatan hasil pertanian ataupun kematian.



Rajah 1.1. Kategori Leka Main Iban

Berdasarkan kepercayaan orang Iban, asal usul *pengap* ada kaitan dengan deiti (*Petara*) orang Iban. *Petara* ialah *betara* atau dewa orang Iban (Kamus Dewan Iban-Malay edisi kedua, 2016). Pada masa dahulu, orang Iban rapat dengan binatang dan juga makluk halus atau deiti (*Petara*). Manusia dan *Petara* berpisah akibat rebutan terhadap sepohon pokok buah durian yang menghasilkan bermacham-macham jenis buah (Chemaline, 2006).

Deiti yang terlibat dalam rebutan ialah *Petara* Aki Lang Sengalang Burung, Chung Chelulung (Apai Keling), Apai Sabit Berkait dan Apai Ribai. Selepas peristiwa tersebut Apai Sabit Berkait berpindah ke kayangan, Apai Ribai berpindah ke lautan, Apai Keling



Chung Chelulung berpindah ke Panggau Libau, Aki Lang Sengalang Burung berpindah ke Tuchung Sandung Besindang di langit dan orang Iban berpindah ke Batang ai (Richard, 1959).

Walau bagaimanapun, sebelum orang Iban berpisah dengan deiti *Petara* Aki Lang Sengalang Burung, Chung Chelulung (Apai Keling), Apai Sabit Berkait dan Apai Ribai sempat berpesan kepada orang Iban bahawa mereka boleh memanggil deiti-deiti ini pada bila-bila masa melalui ritual *mengap* ataupun *nimang*. Tuhan disembah serta dipuja melalui upacara-upacara *miring* atau *bedara* (persesembahan korban), *sampi* (puisi doa), *pengap* (zikir) dan *timang* (invokasi) semasa perayaan keagamaan untuk menyampaikan niat mereka.



Richard (1997) menyatakan *Petara* daripada langit untuk membantu manusia apabila dipanggil semasa perayaan. Niat mereka juga mesti disampaikan melalui *Lemambang* ataupun *Manang*. Dewa (*Petara*) dan roh (*antu*) didedahkan kepada anak-anak Iban melalui cerita lisan. Di antara makhluk ciptaan Tuhan-Tuhan yang paling terkenal adalah Seramugah (tanah), yang menjadikan tanah, Segundi (air) yang membuat air, dan Segundit (langit) yang menjadikan langit (Sutlive, 1992). *Petara* orang Iban ialah Singalang Burong, Simpulang Gana dan Puntang Raja (Melling, 1988).

Buku *Sereba Reti Jaku Iban* menerangkan *Petara* ialah Tuhan, dewa ataupun hantu yang disembah oleh orang Iban kerana dipercayai berkuasa ke atas bumi dan manusia. Mereka percaya *Petara* itu dapat membantu, menolong dan menyokong mereka di dunia





ini. Ketua *Petara* ialah Biku Bunsu Petara, Pantan Inan Jedia ataupun Entala. Selain itu, ada tujuh orang *Petara* yang terkenal akan dijemput menjadi tetamu *gawai* iaitu Sengalang Burung, Ini Andan, Menjaya, Selempandai (Selempetuh/Selempeta), Gila Gundu, Anda Mara, dan Sempulang/Pulang Gana (Janang et. al. 2015).

Petara dalam masyarakat Iban memiliki kuasa *supernatural* ataupun *anthropomorphic* yang ada perasaan serta anggota tubuh badan seperti manusia. Mengikut Chemaline (2011), manusia *supernatural* ini boleh mengiringi roh mereka yang telah meninggal dunia. *Petara* etnik Iban terdiri daripada pahlawan panggau libau seperti Keling, Bungai Nuing (Sempurai), Laja, Bungai Jawa, Kemping Padi, Kumpang Pali, Pungga, Tutung, Ngelai, Pandak Segatak dan banyak lagi.



Lemambah mewakili orang Iban untuk menyeru atau memanggil *Petara* deiti melalui *zikir pengap* (Richard, 1959). Namun begitu, *lemambah* harus menyebut nama Sabang Jurai dan Pungga kerana mereka bertindak sebagai perantaraan antara manusia dan *Petara*. Tetapi, *Petara* merasa terpanggil sekiranya mendengar bunyi gong, *bebendai* (canang), *engkerumung* (gong yang kecil biasanya membentuk satu peringkat gamelan) serta gendang, menumbuk beras dan membuat *pansuh* kerana itu ialah tanda orang Iban menjemput mereka sebagai tetamu (Bequet, 2012).

Lemambah ialah orang yang pandai *mengap* (*nimang*, *bebiau*, *nyampi*, *naku* etb.). Selain itu, *lemambah* merujuk kepada seorang Iban yang pakar dalam mengungkapkan kata jampi, mantera, menyanyikan puisi tradisional seperti *timang* dan *pengap*, adat-





istiadat, kepercayaan dan lain-lain (Kamus Dewan Iban-Melayu edisi Kedua, 2016). Menurut kepercayaan orang Iban, mereka yang terawal menjadi *lemambahang* ialah Simpang Gading dan Kayu Arang. Mereka mempelajari *leka pengap* daripada Sengalang Burong yang diwarisi secara turun temurun sehingga kini (Janang et al. 2015). Namun, tidak semua orang Iban boleh mempelajari *pengap* kecuali *lemambahang*.

Master of myth and words of power, poet or bard. Lead public invocations (pengap) of celestial quests and conduct the ritual at gawai. The first, are said to have been called Simpang Gading and Kayu Arang , who were taught by lang. once called in a vision of their guiding spirit(yang), they learn from senior of the neighbourhood but there fees (upah) include iron (as kering semengat) because the spiritual journeys they make are arduous and of some danger, but less than those of manang are distinct from those who can utter prayers (sampi) or tell stories and sagas(jerita, ensera) of no ritual significance. Men recite the pengap but women the sabak for the dead and timang for head trophies.

(Richard, 1994, p.108)

Semasa upacara *mengap*, semua *lemambahang* berpakaian labuh panjang. Disamping itu, penyanyi kedua (timbal) mengetuai paduan suara (sagu, nyagu atau lambong). Semua penyanyi kedua ini sudah memiliki kemahiran untuk menyampaikan *leka pengap*. Mereka memainkan peranan tersendiri semasa *mengap*. Namun begitu, *lemambahang* yang boleh *mengap* ialah lelaki (Richard, 1981).



Kebanyakkan mereka yang menjadi *lemambahang* ialah lelaki. Apabila *lemambahang* melakukan upacara *mengap*, mereka dibantu oleh beberapa orang *lemambahang* lain yang ‘junior’ sebagai pembantu. Peranan pembantu ini sangat penting kerana *zikir* (*chants*) dilafazkan secara bersahutan-sahutan. *Zikir* yang dilafazkan mereka diiringi oleh hentakan tongkat. Deklamasi dengan bunyi hentakan tongkat mesti seirama. Tiap-tiap *lemambahang* memiliki tongkat. Mereka menghentakkan tongkat tersebut lebih kurang sebanyak 25-30 hentakan seminit untuk mengiringi *zikir* (Uchibori, 1983).

Pengap merupakan cara orang Iban meminta keberkatan daripada *Petara* (Tuhan). Pengap disampaikan oleh *lemambahang* serta dibantu oleh beberapa pembantu yang bertindak sebagai *penyagu* (orang yang menyanyikan korus dalam *pengap*). Mereka menyeru deiti melalui puisi *pengap*. Contohnya, tujuan *mengap antu pala* (zikir menimang trofi kepala manusia) ialah supaya roh si mati memberikan keberkatan seperti tuah dan rezeki. Upacara *mengap* boleh dilakukan untuk meminta lebih banyak hasil tuaian padi (Chemaline, 2011). Hasil daripada jualan padi digunakan untuk membeli *tajau atau benda* (tembikar), *tawak* (gong) dan lain-lain harta. Mengikut kepercayaan orang Iban, mereka yang memiliki harta seperti yang dinyatakan di atas dianggap kaya. Harta tersebut sangat berguna dan sama nilainya dengan orang yang memiliki banyak wang pada zaman tradisional. *Pengap* berkait rapat dengan *sampi* (mantera). *Sampi* dikategorikan sama dengan *pengap* iaitu *leka main* invokasi. Kedua-dua *leka main* ini mempunyai tujuan yang sama iaitu untuk menyeru deiti agar membantu mereka (Uchibori, 1983).

Pengap mempunyai banyak fungsi kepada masyarakat Iban. Secara umum, fungsi *pengap* ialah meminta keberkatan, penyembuhan, kesihatan dan sebagainya. Upacara *pengap* hanya diketuai oleh orang yang pakar dan mahir tentang *leka main*. Mereka yang selalu mengetuai upacara ini ialah *lemambahang*. Tiap-tiap *lemambahang* yang terkenal dan berpengalaman boleh melafazkan semua jenis puisi seperti *renung*, *ramban*, *dungai*, *sugi*, *pelian*, *sabak* dan lain-lain puisi tradisional orang Iban (Chemaline, 2011).

Lemambahang sangat penting semasa menjalankan ritual perubatan dan penyembuhan. *Lemambahang* dianggap mempunyai kuasa *supernatural* yang boleh berhubung dengan kuasa ghaib atau *Petara* dan dapat menyembuhkan penyakit. Puisi ini berkait rapat dengan sistem kepercayaan yang diwarisi masyarakat Iban yang percaya kepada dewa, dewi, hantu, semangat dan alam mati, dikenali sebagai *menua sebayan* (Richard, 1959).

Orang Iban percaya bahawa *Petara* (deiti) memiliki kuasa luar biasa yang benar-benar wujud. Ia disembah dan dipuja melalui ritual *miring*, *pengap* (melagukan mantera) dan *timang* (zikir). Puisi ini dilakukan oleh *lemambahang* (penyair/pemuisi) semasa ritual *gawai*. Dalam masyarakat Iban, ritual *gawai* sebenarnya ialah masa untuk membuat pemujaan apabila rayuan, permohonan, seruan ataupun doa dibuat kepada *Petara* atau makluk halus yang lain.

Pengap sangat berkait rapat dengan *pengarap lama* etnik Iban yang disebut sebagai *beburung*. Semasa *pengap* dilakukan, *piring* sajian (persesembahan kepada deiti) mesti



disediakan terlebih dahulu. Fungsi utama *piring* ialah untuk memujuk atau memanggil *Petara* (dewa) (Jensen, 1974). Menurut kepercayaan orang Iban, *Petara* yang mereka puja mesti tepat mengikut keperluan. Sekiranya *Petara* yang dipanggil tidak tepat, maka *piring* yang disediakan tidak dijamah oleh deiti berkenaan.

Petara yang dipanggil semasa ritual *mengap* perlu bersesuaian dengan *gawai* yang dirayakan. *Gawai* yang dirayakan secara besar-besaran adalah *gawai burung*, dan *gawai kenyalang* ataupun *gawai kelengkang*. Ritual *mengap gawai burung* memanggil *Petara Aki Lang Sengalang Burung* serta tujuh orang menantunya iaitu *Ketupung* (*Rufous Piculet*), *Beragai* (*Scarlet-rumped Tropicbird*), *Bejampung* (*Platylophus Galericulatus*), *Pangkas* (*Maroon Woodpecker*), *Embuas* (*Lacedo Pulchella*), *Papau* (*Diard's Tropicbird*) dan *Nendak* (*White-rumped Shama*). Ketujuh-tujuh burung ini dipercayai menjadi pembawa petanda dalam kepercayaan lama orang Iban. Mereka yang menanam padi perlu meminta keberkatan daripada Raja Simpulang Gana supaya dewa tanah itu dapat memberkati usaha mereka untuk menghasilkan padi yang banyak (Sandin, 1977).

Raja Menjaya Manang dipanggil semasa menjalankan *pengap gawai sakit*. Raja Menjaya Manang diseru melalui *bunsu bubut* (sejenis burung). Semasa upacara *mengap* dijalankan, *lemambahang* memuji-muji *Petara* terlebih dahulu kerana kebaikan dan keberkatan yang telah diberikan oleh mereka kepada manusia (Jensen, 1974).



1.2 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Iban merupakan kelompok Dayak terbesar di Sarawak dan mereka berasal dari Kalimantan Barat. Taburan kaum Iban di Sarawak sekitar 713,421 orang iaitu 28.9% daripada jumlah penduduk di Sarawak (Jabatan Perangkaan, 2010). Dari segi sejarah, mereka dikenali sebagai suku kaum yang mahir menjelajah dan berpindah untuk membuka hutan baru bagi tujuan pertanian.

Masyarakat Iban gemar mencari petempatan baharu bagi membolehkan mereka menanam padi bukit ataupun padi huma dan paya untuk memudahkan mereka memburu binatang yang boleh dijadikan makanan. Justeru, orang Iban suka mengembara dari satu tempat ke satu tempat yang lain untuk mendapatkan kehidupan yang lebih sempurna. Suatu ketika dahulu, mereka amat terkenal dengan keberanian pahlawan-pahlawan mereka yang memenggal kepala musuh semasa dalam perang (Gomes, 2007).

Cara hidup masyarakat Iban terbentuk di rumah panjang kerana kehidupan sosial mereka berlaku di situ. Budaya mereka bermula di dalam rumah panjang itu sendiri. Identiti kaum Iban dapat dilihat dari segi cara mereka mengatur kehidupan termasuk nilai utama, kebiasaan harian, hukum serta pantang larang. Kehidupan orang Iban di rumah panjang amat menekankan konsep kesejahteraan, perpaduan dan keharmonian hidup (Noria, 2014). Di sesebuah rumah panjang Iban, persengketaan antara ahli-ahli atau penghuni rumah panjang jarang sekali berlaku dan tidak mengakibatkan perkelahian yang serius atau berpanjangan. Setiap penghuni rumah panjang mempunyai sikap hormat menghormati

yang amat tinggi dan adanya sikap perpaduan, tolong-menolong, bertimbang rasa, sopan-santun dan sikap tolak ansur yang amat tinggi seperti yang diamalkan sejak sekian lama. Nilai yang menjadi pegangan kehidupan mereka ialah nilai muafakat, perpaduan, bekerjasama, percaya dan mempercayai, tolong-menolong, sikap tolak ansur, hormat-menghormati, bertanggungjawab, sifat berani, dan sifat bersopan-santun. Mereka mengamalkan adat resam, agama dan kepercayaan serta pantang-larang orang Iban yang unik dan tersendiri (Noria, 2014).

Setiap rumah panjang diketuai oleh *Tuai rumah* (ketua rumah panjang) yang bertanggungjawab dalam semua pentadbiran rumah panjang, menguatkuaskan serta menegakkan undang-undang atau adat (Jensen, 1974). *Tuai rumah* mengendalikan mesyuarat secara perseorangan apabila timbul masalah berkaitan dengan kepentingan umum, membuat pertimbangan berkaitan dengan adat istiadat, atau mengetuai upacara ritual rumah panjang (Cramb, 1989). *Tuai rumah* sangat penting dalam institusi sebuah rumah panjang kerana seorang *tuai rumah* yang berkelayakkan mengekalkan keamanan dan keharmonian kepada rumah panjang. Ini penting untuk mengekalkan sokongan rakyat dalam sebuah rumah panjang.

Gawai merupakan upacara keagamaan yang diiringi oleh perayaan, pesta (sekarang dijalankan tanpa upacara ritual) dan pesta makan (*makai rami, makai di ruai*) (Sutlive & Sutlive, 1994). Kamus Dewan Iban-Malay edisi kedua (2016) menyatakan bahawa *gawai* merupakan perayaan atau pesta yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan masyarakat Iban. *Begawai* pula ialah beraya, berpesta ataupun mengadakan perayaan. Sebelum *gawai*

dijalankan, tuan rumah perlu membuat persiapan yang rapi (Sandin, 1977). Beliau dibantu oleh komuniti yang tinggal dalam rumah panjang. Dengan cara ini, hubungan antara mereka menjadi semakin akrab. Tugas dibahagikan antara mereka mengikut tahap kesukaran tugas tersebut. Satu tugas berat yang memerlukan banyak tenaga, maka lebih ramai orang yang akan menjalankan tugas tersebut. Tradisi seperti ini masih diamalkan oleh masyarakat Iban sehingga ke hari ini.

Tuai rumah mengetuai upacara *gawai* yang hendak dijalankan. Contohnya, sekiranya hendak *mangkung tiang* (pindah rumah) maka *gawai pangkung tiang* (perayaan pindah rumah) dijalankan ataupun *gawai mandi rumah* iaitu *gawai* khusus untuk mendoakan kesejahteraan untuk penghuni rumah baru akan dijalankan. *Gawai antu* ialah perayaan untuk menghormati roh si mati. *Gawai batu* pula ialah upacara yang dimulakan sebelum menebaskan kawasan huma dimulakan. Selain daripada ini, *Gawai benih* ialah upacara sebelum menanam padi. *Gawai burung* ialah upacara untuk mengambil bahagian dalam *ngayau* dan beruntung membawa balik kepala munsuh (Erik Jensen, 1974). Terdapat juga upacara *nunu lilin* (membakar lilin) yang boleh digelar sebagai *gawai*. Upacara ini dilakukan apabila padi mula berbunga untuk menghalau hantu, menarik semangat baik supaya hasil tuaian menjadi baik dan menarik perhatian semangat lebah supaya membantu menjadikan buah padi bernas (Kamus Dewan Iban-Melayu edisi Kedua, 2016).

Gawai diadakan oleh orang yang telah dilantik untuk menjalankan upacara *mengap* atau *timang*. Upacara ini dijalankan oleh *Lemambang* yang dibantu oleh pemuisi yang lain (Sandin, 1994). Para dewa dijemput oleh pahlawan roh yang menjadi perantaraan antara

manusia dengan dewa. Semasa *gawai* dijalankan, banyak aktiviti yang dijalankan oleh mereka seperti mempersembahkan tarian *ngajat*, membuat *ranyai*, menyabung ayam, *bebatak lampung*, *berayah* (bermain alat muzik gendang) dan banyak lagi aktiviti (Sutlive, 1994).

Rumah panjang orang Iban juga adalah tempat untuk melakukan pelbagai aktiviti harian. Orang Iban biasanya berjumpa antara satu sama lain di *ruai-ruai* pada waktu siang atau di rumah panjang pada waktu malam kerana *ruai* dianggap sebagai ruang sosial yang penting untuk mereka berkongsi idea, kejayaan, kegembiraan dan pengalaman hidup. Oleh sebab itu, galeri yang terdapat di dalam rumah digunakan semaksimum yang boleh. Kaum wanita melakukan aktiviti harian mereka seperti memasak, menjaga anak, menenun dan membuat kraf tangan (Ave & King, 1986). Mereka juga gemar menyimpan harta pusaka dalam *bilek* seperti tajau, alat muzik seperti gendang, *bebendai* (canang), *engkerumung* serta *tawak* (gong), *ngepan* (pakaian tradisional), *ilang* (parang), *sangkuh* (tombak) dan banyak lagi.

Muzik masyarakat Iban berkait rapat dengan *leka main* invokasi. Menurut mitos, muzik *gendang rayah* telah diajarkan oleh seorang pahlawan terkenal Iban bernama Keling dari Panggau Libau. Sebelum berhijrah ke dunia kayangan mereka di langit, Keling mengajar sepupunya bermain muzik *gendang rayah*. Dia memberitahu orang-orang Iban untuk menggunakan muzik ini setiap kali ingin menjemput mereka dari Panggau Libau dan turun dari langit untuk menghadiri perayaan-perayaan manusia di bumi. *Gendang rayah*

dipanggil “muzik dewa” dan harus dimainkan untuk perayaan dan ritual agama sahaja (Munan, 1989, p. 85).

Gendang pampat merupakan upacara ritual masyarakat Iban yang kebiasaannya dimainkan bersempena dengan *Gawai Sandau Ari* dan *Gawai Kenyalang* (Sather, 1994). Tujuannya ialah untuk meminta perlindungan serta mendapat kesejahteraan hidup tanpa sebarang gangguan. Gendang ini dimainkan untuk menjaga *pengaruh* (ubat) yang dimiliki masyarakat Iban pada masa dahulu. Upacara ini dipercayai dimainkan untuk menyeru dan memanggil penduduk dari Panggau Libau. Upacara *miring* dilakukan semasa *Gawai Sandau Ari* dan *Gawai Kenyalang* bertujuan untuk mendapatkan pertolongan (Noria, 2014).

Gendang pampat kebiasaannya dimainkan oleh tiga orang secara minimum dan bilangan pemainnya hendaklah secara nombor ganjil. Setiap orang yang memainkan gendang pampat mempunyai tugas dan bunyi yang berbeza untuk bergendang seperti *mepat*, *malut* dan *nanjal/tanggung*. Setiap pukulan gendang ini dimainkan secara bersahutan dan sekata oleh pemainnya (Waterson, 1990). Bunyi dan pukulan gendang pampat ini dipercayai sedikit berbeza mengikut kawasan atau daerah dari segi tempo pukulan dan rentak.

Terdapat permainan tradisional orang Iban yang dikaitkan dengan Tuhan iaitu sabung ayam. Permainan ini dikatakan dimainkan oleh *Petara* dahulu kala. Menurut tradisi masyarakat Iban, permainan ini dikaitkan dengan Singalang Burung dengan Apai Sabit

Bekait, Ambong Mungan dengan Raja Machan dan pahlawan Iban lain seperti Keling dan Laja dari Panggau Libau. Di *sebayan* (alam kematian), Raja Niram dan Bujang Langgah Lenggan menyabung ayam dengan Ensing Jera dan Kendawa (Freeman, 1957). Sabung ayam dibuat semasa hari *sabong* tahun. Pada malam sebelum *sabong* tahun, mereka menyedia dua *piring* dan *lemambah* mendeklamasikan zikir yang dikenali sebagai *renong kayau*. Zikir tertentu dilafazkan oleh *lemambah* pada malam sebelum keberangkatan pahlawan Iban turun *ngayau* (Kedit, 1980). Semasa zikir dilafazkan, *lemambah* mesti menyebut nama-nama pahlawan Iban dan *piring* (persembahan sajian) mesti dibuat untuk *Petara* (deiti).

Muzik sangat penting kepada tarian *ngajat/kajat* atau *ajat*. *Kajat* atau *ajat* membawa maksud melompat-lompat. Orang Iban mempersembahkan pelbagai jenis tarian yang diiringi gong, gendang dan sebagainya. Tarian yang selalu dipersembahkan selain *ngajat* ialah *bepencha* dan *bekuntau*. Asal usul tarian *ngajat* dikaitkan dengan Batu Lichin, Bujang Indang Lengian yang membawa tarian ini kepada masyarakat Iban. Terdapat sumber lain pula yang menyatakan tentang asal tarian *ngajat* adalah daripada seorang pahlawan yang gembira menari selepas pulang dari ekspedisi *ngayau* (Chemaline, 2011).

Orang Iban percaya bahawa perawatan tradisional dijalankan *manang* memiliki kuasa penyembuhan. *Manang* ialah orang yang tahu *belian* sereta menangkap *semengat* (roh) orang yang sakit disebabkan oleh gangguan hantu (Janang et al., 2015) dalam buku *Sereba Reti Jaku Iban*. Mengikut Kamus Dewan Iban-Malay edisi kedua (2016, p. 409), *manang* ialah “pawang dipercayai dapat mengubati orang sakit dengan semangat dan

pemulih semangat dan keahliannya lebih tinggi daripada dukun.” *Manang* melakukan upacara *bemanang* semasa mengubati penyakit. Sutlive (1994, p. 144) dalam Handy Reference Dictionary of Iban and English, menyatakan bahawa *manang* ialah “pawang berkaitan dengan medium roh.” *Manang* melawan roh jahat yang telah memiliki *semengat* (roh) pesakit menggunakan *semengat* beliau sendiri. “...and to seek out and bring back soul that has left the body and started the journey to the land of dead...” (Richard, 1981, p. 204). *Manang* pergi ke dunia *sebayan* (dunia kematian) untuk mencari dan membawa balik *semengat* pesakit. Apabila *manang* selesai melakukan upacara, *sabang* (upah) perlu diberikan kepada beliau. Walaupun *sabang* (upah) yang diberikan tidak seberapa nilainya, tetapi ianya penting bagi masyarakat Iban sebagai tanda terima kasih kepada *manang* khususnya kepada roh yang membantu beliau untuk mencari *semengat* (roh) pesakit.

Mereka yang hendak menjadi *manang* perlu melalui proses pertabalan terlebih dahulu. Proses ini digelar sebagai *bebagun*. Ini sangat penting untuk melayakkan *manang* diiktiraf oleh masyarakat Iban. Sebelum menjadi *manang*, selalunya mereka mempunyai mimpi yang menyeru mereka untuk menjadi *manang*. Selepas *bebagun*, diyakini bahawa binatang yang menolong mereka untuk mengubati penyakit akan diketahui. Kebiasaannya, mereka dibantu oleh kelawar. Kelawar sangat penting sebagai pemandu arah kepada mereka apabila mencari *semengat* pesakit (Richard, 1981).

Orang Iban percaya kepada roh (*semengat*) entiti yang tidak dapat dilihat dengan deria biasa. Masyarakat Iban sangat percaya dukun (*manang*) boleh melihat roh. *Manang* mengenali roh setiap individu kerana menyerupai *pemilik* semengat (Pratt, 2007).

Kewujudan roh sangat membimbangkan orang Iban kerana kehadiran roh membawa petanda perkara kurang baik akan berlaku. Menurut Uchibori (1983), kewujudan roh boleh dibuktikan melalui mimpi. Manusia mempunyai pengalaman mimpi apabila rohnya dengan roh orang lain bertemu dengan makluk ghaib.

Masyarakat Iban percaya roh boleh menjadi entiti jahat yang menjadi ilham kepada makluk ghaib. Roh orang Iban sangat berbahaya sekiranya roh mereka menjadi buruan makluk ghaib. Roh yang diburu boleh menyebabkan roh pemiliknya terbunuh lalu membahayakan nyawa pemilik roh tersebut (Pratt, 2007). Roh boleh meninggalkan tubuh badan seseorang selama-lamanya apabila orang itu meninggal dunia. Destinasi roh setelah pemiliknya meninggal dunia ialah *sebayan*.

Belian menurut Janang dalam buku buku Sereba Reti Jaku Iban membawa maksud melakukan kerja *pelian*. Manang melafazkan *leka pelian*. *Pelian* merujuk kepada tugas yang dilakukan oleh manang untuk menjaga kesihatan dan mengubati penyakit orang. Contoh *pelian* ialah *nyempiang diri, nyembayan, belangkau, nyala, be bunuh buyu, pancha iring, bebatak lampung, nyabung, bedagang, kara bejuang, jamban mandai* dan *tiang pancha* (Janang et al., 2015). *Belian* juga boleh diertikan sebagai pokok yang sangat keras. Namun, ia juga membawa maksud ritual penyembuhan yang dilakukan oleh *manang* (Kamus Dewan Iban-Melayu edisi kedua, 2016).

Ngayau merupakan tradisi memenggal kepala seperti yang dinyatakan oleh Sutlive and Sutlive (1994, p. 167) “*ngayau conduct a raid, go on a war party (kayau)*.” *Ngayau*

ini dilakukan secara beramai-ramai dengan menyerang rumah musuh secara mengejut. Kamus Dewan Iban-Melayu edisi Kedua (2016, p. 275) menyatakan bahawa *kayau* merupakan “serangan, pelanggaran, perburuan potong kepala, peperangan atau ekpedisi memburu kepala musuh.” *Ngayau* membawa maksud menyerang dan melanggar atau istilah lain ialah *pengayau* iaitu orang yang menyerang. Terdapat dua jenis *kayau* iaitu *kayau anak* dan *kayau serang*. *Kayau serang* ialah sekumpulan manusia yang terdiri daripada lelaki dari beberapa rumah panjang menyerang kediaman (rumah panjang) orang lain. *Kayau anak* ialah aktiviti menyerang musuh dalam kelompok kecil yang dianggarkan mempunyai ahli seramai dua puluh orang. Strategi mereka ialah melakukan serang hendap terhadap musuh yang hendak pergi ke kebun (Chemaline, 2011).



upacara ritual dan keagamaan yang berkaitan dengannya (Melling, 1988). Asal-usul *pengarap lama* ialah daripada Raja Durong dan ia melahirkan kepercayaan kepada *Petara* (Tuhan) mereka dan juga kuasa ghaib, semangat orang hidup dan mati, semangat padi, fenomena alam, makhluk hidup dan objek tidak bernyawa (Chemaline, 2006). Berdasarkan pengarap lama orang Iban mereka juga percaya kepada bunyi burung *ketupong*, *kikih* atau *embuas*, *beragai*, *papau* atau *senabong*, *pangkas* atau *kutok* dan *nendak* menentukan nasib mereka (Sutlive, 1987). Masyarakat Iban sangat mempercayai bunyi burung yang boleh mendatangkan bala serta kematian. Petanda dalam masyarakat Iban bergantung kepada beberapa cara untuk mendapatkan tanda-tanda kesahan membuat keputusan dan tindakan seterusnya. Tindakan yang selalu diambil ialah menjalankan upacara berkaitan dengan sumpahan roh untuk kebaikan ataupun kejahatan, contohnya, apabila burung-burung *mali*



(burung omen) yang datang ke rumah ataupun semasa mereka sedang melakukan aktiviti di luar rumah. Mereka perlu melakukan upacara tertentu untuk burung *mali* tersebut. Selain itu, masyarakat Iban sangat percaya kepada *omen*.

Ramalan terhadap sesuatu yang berlaku boleh terjadi melalui mimpi semasa tidur, tilikan jantung babi, kemunculan haiwan liar, burung yang datang ke rumah atau didengari semasa di luar rumah. Burung *mali* masyarakat Iban terdiri daripada tujuh jenis burung iaitu *ketupong* juga dikenali sebagai jaloh atau kikeh atau entis (*rufous piculet*), *beragai* (*trolet* merah), *pangkas*, *bejampong* (*crested jay*), *embuas* (*bandfisher banded*), *kelabu papau* atau *senabong* (*trojan diard*) dan *nendak* (*rumped shama*). Sekiranya burung omen ini didengari bunyinya, dilihat terbang dan sebagainya mereka perlu mentafsirnya dan menjalankan upacara tertentu untuk burung *omen* tersebut (Richard, 1959).



Setelah *tuai rumah* selesai, upacara ini disambung oleh *lemambahang* yang memimpin bacaan mantera *sampi* (jampi). *Lemambahang* melakukan upacara *mengap*. Hal-hal yang berkaitan dengan sakit akan dipimpin oleh *manang* yang melakukan penyembuhan (Roland, 2013). Penyakit yang terjadi di rumah panjang dikatakan berpunca daripada pelanggaran terhadap adat terutamanya pantang larang. Sekiranya pantang larang ini tidak dapat dipatuhi secara sengaja atau tidak sengaja maka upacara tertentu perlu diadakan untuk memohon pengampunan daripada *Petara* (Erik, 1974).

Justeru, masyarakat Iban menyediakan *piring* (sajian persembahan untuk sampi/doa) semasa gawai ataupun upacara lain yang berkaitan dengan ketuhanan. Upacara



ini dikenali sebagai *miring*. *Piring* yang disediakan berbeza mengikut perayaaan, Tuhan/dewa yang dipanggil serta tujuannya (Freeman, 1957). Oleh itu, ayam hidup sangat diperlukan semasa upacara *miring*. Ada kalanya mereka menggunakan babi hidup untuk tujuan tersebut. Terdapat juga sajian lain yang perlu disediakan oleh mereka seperti pulut, tepung beras pulut dan sebagainya (Sutlive, 1978). Bahan ini perlu disediakan terlebih dahulu sebelum upacara bermula.

Piring yang disediakan selalunya mengikut nombor ganjil tunggal iaitu *piring turun* 3,5,7 dan 9: Sengalang Burung (dipanggil semasa ada *gawai* utama), Raja Sempulang Gana (berkaitan dengan pertanian), Raja Menjaya/Ini Anda (kesihatan), Anda Mara (kekayaan), Selampandai (keharmonian dalam keluarga), Raja Samarugah (kebenaran menggunakan tanah) dan Keling/orang Panggau (meminta bantuan). Ada kalanya piring disediakan untuk roh orang yang mati serta *bunsu antu*. Ini bertujuan untuk meminta rahmat dan menghormati roh mereka. Kebiasaanya, upacara ini dilakukan setahun sekali iaitu semasa upacara *gawai* dayak dan melawat kubur mereka (James Joshua Guang, 2003). Kadang kala, upacara ini dilakukan semasa mendapat mimpi yang diarahkan oleh *bunsu antu*. Agihan piring pula mengikut keperluan tuan rumah yang melakukan upacara *miring*. *Piring* selalunya diletakkan di setiap bahagian bilik dalam sebuah rumah panjang seperti *bilek* (ruang dalam rumah), *tanju* (beranda), *ruai* (galeri), dapur, tajau/benda beras, dan pelabuh (beranda di belakang dapur).

Disamping itu, agihan *leka piring* ada peraturannya. Piring tidak boleh disediakan mengikut sesuka hati. *Leka Piring 3* iaitu *piring ampun/seluwak* digunakan untuk meminta

keampunan dan dalam aktiviti ekonomi. *Leka piring 5* iaitu *piring minta/bejalai* digunakan untuk meminta sesuatu dan meminta keberkatan dalam perjalanan. *Leka piring 7* iaitu *piring buatan/bujang berani* untuk perayaan dan meraikan pahlawan. *Leka piring 8* iaitu *piring nyangkong* disediakan untuk orang lain. Terdapat juga *piring 9 turu* yang merangkumi orang lain serta lain-lain bahagian yang tertinggal dimasukkan dalam *piring* ini. Kegunaannya ialah untuk *piring tanam* atau *piring pucuk* yang dipersembahkan untuk ranyai semasa gawai. Jumlah persembahan leka piring boleh berubah mengikut kepentingan kepada *Petara* serta barang keperluan yang dipersembahkan.

Piring sangat penting untuk persembahan ritual kerana boleh menenangkan para dewa yang diseru semasa pemulihan. Upacara ini boleh berlangsung sepanjang malam dan disertai perayaan sehingga keesokan harinya babi dikorbankan untuk menilik jantungnya yang ditafsirkan oleh *manang* (Edwin, 2007: 87). Ia bertujuan untuk meramalkan nasib, kekayaan, kesihatan dan kejayaan tuan rumah yang menjalankan upacara *miring* dan keluarganya di masa depan.

1.3 Asal Usul dan Keunikkan *Gawai Pangkung Tiang*

Asal usul *gawai pangkung tiang* diajar oleh Puntang Raga kepada Beji dan adiknya Bada setelah disuruh oleh Raja Semarugah. Orang yang bernama Beji ini tinggal di Ketapang tidak jauh dari Nanga Kayung di Kalimantan Barat sekarang ini. Peristiwa ini bermula apabila Beji ingin pergi ke langit untuk berjumpa dengan Tuhan.



Beji mengumpulkan semua ketua rumah panjang dan berbincang dengan mereka. Hasilnya, mereka bersetuju untuk membantu Beji membina tangga yang tinggi untuk sampai ke langit. Pada masa itu, orang Iban belum pandai membuat rumah dan masih tinggal di gua batu. Beliau telah menyuruh adiknya Bada menjadi ketua Iban untuk membimbang mereka semasa ketiadaanya pergi ke langit.

Mereka pun bergerak ke Ketapang terus ke hulu Kapuas dan tinggal di Danau. Mereka mula membina tangga di atas sepohon kayu *enchepong* yang besar dan tinggi. Sebelum membuat tangga, mereka melakukan upacara *miring* terlebih dahulu untuk memberi binatang makan dan meminta pertolongan semua binatang di hutan tersebut. Namun begitu, dia terlupa untuk memanggil beruang dan anai-anai.



Selepas itu, mereka mula membina tangga tersebut. Tangga tersebut dibina menggunakan kayu belian (*tebelian/teras*) bermula dari pucuk pokok kayu *enchepong*. Tangga yang mereka bina semakin tinggi ke langit. Oleh kerana beruang dan anai-anai tidak dipersembahkan dengan sajian (*dipiringkan*), maka anai-anai menebuk batang pokok *enchepong* tersebut serta beruang mencakar batang pokok itu supaya tumbang. Setelah pokok tersebut dicakar oleh beruang maka anai-anai mula makan batang kayu itu. Lama kelamaan, pokok kayu *enchepong* pun tumbang dan menghembab semua tempat di muka bumi lalu membunuh rakan Beji yang membuat tangga tersebut.

Pada masa itu, adik Beji iaitu Bada sedang memburu binatang di hutan. Tahun itu, hujan turun sangat lebat. Suatu hari, mereka telah dibasahi hujan yang lebat sehingga





mereka mematahkan daun kayu untuk berlindung semasa perjalanan balik ke gua. Kaum perempuan pula sedang balik dari huma. Mereka lebih awal sampai di gua berbanding Bada. Tidak lama kemudian, mereka pun sampai di gua dan sangat hairan melihat Bada dan rakannya tidak basah sedangkan hujan sangat lebat. Mereka terus bertanyakan petua tidak basah dan Bada menceritakan kepada mereka.

Masyarakat Iban mula menggunakan daun kayu untuk berlindung daripada hujan. Wujud istilah *dunju* (tempat berlindung semasa hujan atau panas) dalam kaum Iban. Selepas mereka mengetahui cara mudah untuk mengelakkan diri daripada hujan dan panas, mereka mula membina pondok kecil yang beratapkan daun kering. Selepas sekian lama tinggal di pondok, mereka merasakan sangat selamat dan selesa. Maka, orang Iban tidak lagi tinggal dalam gua dan mula membina pondok yang lebih besar.



Kehidupan kaum Iban masa itu mula berubah ke arah yang lebih moden. Mereka mula membina pondok (*dampa betampong panjai*) yang bersambung antara satu sama lain. Pondok panjang yang dibina itu pada awalnya kecil dan sangat sempit. Mereka pun membina *penaik* (ukuran panjang rumah kira-kira 6 kaki) dan pondok yang lebih besar yang digelar sebagai rumah tempat tinggal.

Selepas mereka membina rumah dengan menanam tiang, mereka pun pulang ke kediaman mereka. Apabila mereka datang balik pada hari berikutnya, mereka mendapati tiang rumah mereka telah rebah. Mereka berasa hairan sebab tiang rumah yang mereka





dirikan semalam sangat utuh dan kuat. Peristiwa tersebut berlaku berturutan hari sehingga mereka hampir berputus asa.

Bada menyuruh rakannya berjumpa dengan Beji untuk meminta pandangan dan bantuan Beji. Beji menasihati mereka supaya menanam tiang lebih dalam lagi. Mereka pun menanam tiang lebih dalam seperti yang diarahkan oleh Beji. Pada hari berikutnya, mereka ingin menyambung kerja dan melihat semua tiang yang mereka tanam telah masuk ke dalam tanah hanya nampak hujung tiang sahaja.

Bada pun sangat hairan. Pada masa itu juga datang seorang pemuda yang tidak dikenali dari arah hutan. Tanpa membuang masa, mereka terus menyoal pemuda tersebut untuk meminta pendapat. Tetamu tersebut pun memberitahu semua tanah di muka bumi ada pemiliknya. Mereka meminta tetamu tersebut menceritakan adat mendirikan rumah. Mereka perlu meminta kebenaran terlebih dahulu daripada Raja Semarugah mentua kepada Raja Sempulang Gana.

Cara untuk meminta kebenaran ialah semua ketua keluarga pergi mencari tempat yang sesuai untuk mendirikan rumah. Selepas itu, mereka perlu menyediakan anak pokok kayu/batang sebanyak lapan pohon (*tambak burung Nendak kanan lima iti, kiba tiga iti*). Lima pohon untuk lelaki dan tiga pohon untuk perempuan. Pohon tersebut mesti diletakkan di kawasan rumah mereka yang paling awal membina rumah di situ. Sebelum *ngentak* (mendirikan tiang) kaum perempuan perlu membuat *piring* (persebaran sajian) terlebih dahulu. Selepas itu, babi atau ayam mesti dibunuh di lubang tiang terlebih dahulu sebagai



tanda *genselan* (korban). Selepas itu, batu dan kepingan besi mesti dibuang ke dalam lubang tiang terlebih dahulu. Terakhir ialah sejambak pokok mumban mesti ditanam ke dalam tiang.

Tetamu tersebut pun memberitahu sebab menggunakan binatang dan perbagai alatan semasa mendirikan tiang. Darah babi dan ayam sebagai *tasih* (bayaran sewa tanah) kepada Raja Semarugah melalui jampi. Batang besi, batu dan sejambak mumban digunakan untuk mempertahankan rumah supaya tidak tumbang oleh banjir.

Tetamu tersebut pun memberitahu tentang cara mendirikan tiang rumah. Cara yang pertama ialah mendirikan tiang mesti bermula daripada mereka yang telah di tanam dengan anak pokok (*tambak burung*). Oleh itu, anak pokok (*tambak burung*) perlu disimpan dalam buluh dan dibahagikan kepada semua yang akan mendirikan rumah. Mendirikan rumah perlu mengikut urutan kayu yang digunakan untuk membuat rumah.

Selepas tetamu tersebut selesai memberitahu Bada dan Beji tentang adat mendirikan rumah, dia pun memberitahu mereka yang dia ingin balik. Sebelum itu, dia memberitahu nama dia ialah Puntang Raga yang disuruh oleh Raja Semarugah untuk mengajar mereka tentang adat mendirikan rumah. Selepas itu, Puntang Raga terus ngaib.

Terdapat beberapa *gawai* yang jarang dijalankan oleh orang Iban berkaitan dengan *gawai pangkung tiang*. *Gawai* tersebut ialah *gawai makai rumah* dan *gawai mandi rumah*. *Gawai makai rumah* ialah *gawai* yang dijalankan selepas kerja penyediaan bahan dan

pembinaan rumah itu selesai. Tuan rumah bergerak ke kediaman baru. *Gawai* ini sangat jarang dibuat. *Gawai* ini dibuat untuk meminta keberkatan daripada *Petara* (dewa) agar pemilihan tapak rumah, bentuk rumah dan pemilik rumah berasa selamat tinggal dirumah dengan erti kata lain supaya rumah tersebut sejuk iaitu jauh dari kejahatan (Sutlive & Sutlive, 2001).

Gawai mandi rumah dijalankan sekiranya rumah tersebut dimasuki oleh haiwan atau burung. Insiden tersebut dianggap sebagai berbahaya, suatu petanda kebakaran rumah atau beberapa wabak yang mungkin boleh menyebabkan kemudaratan kepada pemilik rumah. *Piring* (persembahan sajian) mesti disediakan. Contohnya burung belatuk merah yang masuk ke rumah ditafsir sebagai peringatan kepada api (Sather, 1967). Burung hantu pula ditafsir sebagai kematian. Pemilik rumah perlu mengadakan ritual supaya perkara yang tidak diingini tidak berlaku. Penduduk rumah dikehendaki berada di rumah.

1.4 Pernyataan Masalah

Permasalahan yang sangat besar ialah puisi *pengap gawai pangkung tiang* jarang dilakukan oleh masyarakat Iban pada hari ini. Oleh itu, sangat penting kajian ini dijalankan bagi merekodkan apa yang dilakukan dan mengetahui peralatan yang digunakan. Ramai di kalangan ahli masyarakat Iban tidak mengetahui cara *pengap gawai pangkung tiang* dilakukan *lemambang*. Pengkaji dapat mendokumentasikan ritual *mengap gawai pangkung tiang* dijalankan. Dengan itu, generasi muda yang akan datang dapat mengetahui cara

lemambah melagukan puisi *pengap* dan cara ritual *mengap gawai pangkung tiang* dijalankan.

Kedua ialah kekurangan bahan-bahan bertulis tentang teks *pengap gawai mangkung tiang*. Sebagai jalan penyelesaian kepada masalah ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dengan menemu bual penduduk rumah panjang di kawasan Julau terutamanya *lemambah* dan para penghulu dalam komuniti rumah panjang. *Pengap* mempunyai banyak fungsi tersendiri. Justeru, kajian ini merungkai fungsi dan simbolisme *pengap* dalam *gawai pangkung tiang* yang dijalankan oleh *lemambah* kepada masyarakat Iban. Kajian ini memberikan pengetahuan kepada orang ramai khususnya untuk generasi masa kini yang tidak didedahkan kepada *pengap*.

Kajian ini merungkai unsur simbolisme yang digunakan dalam puisi *pengap gawai pangkung tiang*. Puisi *pengap* sangat rumit dipelajari serta perlu dihafal. Pada masa dahulu, *lemambah* mempelajari puisi *pengap* menggunakan *papan turai* (Harrison, 1985). Kesukaran untuk mempelajari puisi menyebabkan *lemambah* berkurangan. Maka, adalah penting kepada pengkaji untuk mengetahui unsur simbolisme yang digunakan dalam *pengap gawai pangkung tiang*. Generasi masa kini tidak memiliki kemahiran untuk mentafsir unsur simbolisme dalam puisi *pengap*.

Ahli masyarakat Iban di Sarawak telah menganut agama Kristian dan pasti tidak mengamalkan tradisi lagi. Oleh itu, adat dan budaya orang Iban semakin dilupakan khususnya *pengap*. Agama Kristian telah mengongkong masyarakat untuk mempelajari



pengap. Adat dan budaya Iban banyak dipelajari secara lisan dan sukar bagi masyarakat sekarang untuk mempelajarinya. Sebagai contoh, untuk menjadi *Lemambang* seseorang itu perlu menghafal puisi yang ingin disampaikannya. Ini mengambil masa bertahun-tahun untuk mempelajarinya.

Pengkaji juga kekurangan sumber bertulis. Tidak banyak sumber berkaitan dengan *pengap* telah didokumentasikan. Sekiranya ada, sumber tersebut tidak banyak disimpan. Sehubungan dengan itu, perpustakaan dan tempat penyimpanan sumber tersebut adalah terhad (Lambat, 2007). Oleh itu, untuk mendapatkan sumber tersebut, pengkaji berhubung dengan Majlis Adat Istiadat Negeri Sarawak dan Tun Jugah Foundation. Usaha untuk memperoleh sumber kedua pula, pengkaji mendapatkan bahan di perpustakaan negara.



Ramai *lemambang* yang mahir mendiklamasikan puisi *pengap* telah meninggal dunia. Oleh itu, masyarakat pada masa kini tidak berminat untuk menyambung tradisi ini kerana gaya hidup yang telah berubah mengikut arus pemodenan pada masa kini. *Lemambang* memerlukan masa yang lama untuk mempelajari *leka main*. Dahulu mereka menyanyikan puisi menggunakan *papan turai* (Harrison, 1985). Mereka lebih berminat kepada bidang yang bersesuaian dengan peredaran masa. Menemu ramah mereka yang mahir dalam *pengap* amat penting kepada pengkaji untuk memastikan hasil kajian dapat digunakan sebagai sumber rujukan utama.

Bentuk muka bumi Sarawak yang mencabar seperti berbukit bukau serta taburan penduduk yang bersererak menyukarkan pengkaji untuk menemui *lemambang* (Richards,





1959). Kebiasaan mereka, *lemambang* yang ada sekarang ini tinggal jauh dari kawasan bandar. Keadaan ini menyukarkan pengkaji untuk menemui mereka. Pengkaji perlu menggunakan pacuan empat roda untuk melalui jalan pembalakan.

1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian ialah untuk mengkaji puisi *pengap gawai pangkung tiang* dalam budaya masyarakat Iban supaya boleh dijadikan rujukan pada masa akan datang.

Secara khususnya, objektif penyelidikan adalah seperti berikut:

- a) Mengenal pasti fungsi puisi *pengap* dalam *gawai pangkung tiang* dalam masyarakat Iban.
- b) Menjelaskan unsur-unsur simbolisme dalam *pengap gawai pangkung tiang*.
- c) Menghuraikan aktiviti ritual *mengap gawai pangkung tiang* dijalankan.

1.6 Persoalan Kajian

Kajian ini cuba merungkai persoalan berikut:

- a) Apakah fungsi puisi *pengap* dalam *gawai pangkung tiang* dalam masyarakat Iban?
- b) Jelaskan unsur simbolisme dalam *pengap gawai pangkung tiang*.
- c) Bagaimanakah *pengap gawai pangkung tiang* dikendalikan oleh *lemambang*?



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini nanti dapat merungkai dan membincangkan tentang cara ritual *mengap gawai pangkung tiang* dijalankan oleh masyarakat Iban. Masyarakat Iban pada zaman ini sedang meniti arus pemodenan sejajar dengan pembangunan pada masa kini. Ramai masyarakat Iban itu sendiri tidak mengetahui cara ritual *mengap gawai pangkung tiang* dijalankan khususnya mereka yang tinggal di bandar. Betapa pentingnya puisi *pengap* ini didokumentasikan sebagai sumber rujukan utama kepada generasi masa kini. Ini dapat membantu bangsa lain untuk mengenali budaya etnik Iban khususnya berkenaan dengan puisi *pengap*.



05-4506832

Hasil kajian ini nanti sangat penting kepada bidang pendidikan khasnya kepada

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



warga pendidik. Puisi *pengap* merupakan puisi yang diajar di sekolah menengah. Puisi *pengap* telah dimasukkan ke dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai 2007 dan diajar kepada pelajar tingkatan 5 (Lambat, 2007). Demikian halnya, guru perlu menguasai dan memahami terlebih dahulu puisi *pengap* untuk memudahkan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21 di sekolah.

Pelajar tidak berminat mempelajari Bahasa Iban kerana guru tidak menguasai topik yang diajar (Magdeline, 2008). Sekiranya guru di sekolah tidak memahami puisi *pengap*, maka sukar bagi pelajar yang menduduki peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menguasai puisi ini. Justeru, hasil kajian ini



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



membantu guru menyelitkan unsur kebudayaan Iban dalam pembelajaran dan pengajaran abad ke-21.

Kajian ini sangat penting kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Mutu pembelajaran Bahasa Iban bukan berpunca daripada masalah pembelajaran dalam kelas tetapi pengetahuan guru yang kurang (Magdeline dan Zamri Mahmod, 2014). Bagi meningkatkan mutu pembelajaran Bahasa Iban, kajian ini dapat membantu guru memahami puisi pengap. Mereka boleh menggunakan kajian ini sebagai rujukan untuk membina sukanata mata pelajaran Bahasa Iban yang baru. Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) boleh memanfaatkan kajian ini untuk didokumentasikan serta diedarkan kepada sekolah di seluruh negeri Sarawak yang menawarkan mata pelajaran Bahasa Iban.



1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mengkaji cara ritual *mengap gawai pangkung tiang* dilaksanakan dan fungsi serta unsur simbolisme dalam *pengap gawai mangkung tiang* sahaja. Pengkaji menggunakan sumber internet yang relevan dan sahih seperti *Iban Cultural Heritage* dan *Iban Literature*. Sumber ini relevan dan sahih kerana maklumat yang dipaparkan dalam laman sesawang dipetik daripada buku serta ditulis sumber asalnya. Pengkaji menggunakan beberapa buah buku termasuk buku *Pengap Gawai Kelingkang Nempalai Kasai* yang ditulis oleh Jimmy Donald, *Pengap Gawai Tajau* ditulis oleh Lemambang Luat Anak Jabu, *Pengap Gawai Pangkung Tiang*, *Pengap Gawai Batu* dan *Gawai Burong: The Chants and Celebrations of the Iban Bird Festival* ditulis oleh Benedict Sandin. Bahan lain



yang dirujuk ialah kajian dan jurnal yang telah ditulis oleh pengkaji lepas. Kamus digunakan untuk mencari makna perkataan yang ditulis dalam bahasa Iban. Kamus yang digunakan ialah *Bup Sereba Reti* terbitan tahun 2015, *Handy Reference Dictionary of Iban and English* terbitan tahun 1994 dan *An Iban-English Dictionary* dan Kamus Iban-Melayu Edisi Kedua terbitan tahun 2016. Semua sumber kedua ini berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji serta maklumat di dalamnya ditulis berdasarkan temu bual dengan *lemambang*, penghulu dan mereka yang memiliki pengetahuan luas tentang *pengap*.

1.9 Definisi Istilah dan Operasional

1.9.1 Pengenalan

Definisi operasional yang dipilih oleh pengkaji berdasarkan kesukaran memahami makna perkataan yang digunakan dalam kajian. Pengkaji menentukan perkataan atau istilah yang sukar difahami. Pengkaji mendefinisikannya dalam bentuk ayat berdasarkan pemahaman, pengetahuan dan pembacaannya. Penerangan yang dibuat disesuaikan dengan pembacaan daripada buku ilmiah supaya dapat menjelaskan definisi operasional.

1.9.2 Fungsi

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Ke-empat (2016), fungsi membawa maksud tugas, jawatan atau peranan. Manakala fungsional bermakna mempunyai atau diberi tugas tertentu. Tetapi, dalam aspek kajian ini fungsi merujuk kegunaan *pengap* kepada



masyarakat Iban khasnya *pengap gawai pangkung tiang*. Dalam bahasa, fungsi menekankan tujuh aspek bahasa. Pertama ialah fungsi instrumental yang bermaksud bahasa mempunyai penyebab terjadinya peristiwa. Fungsi ini dapat dilihat jelas pada pengguna bahasa itu. Kedua, fungsi untuk mengatur dan mengendalikan pelbagai peristiwa. Fungsi ini untuk mengatur dan mengendalikan orang lain. Ketiga, fungsi bahasa untuk pernyataan, menyampaikan fakta-fakta pengetahuan, menjelaskan dan mengambarkan realiti yang sebenar. Fungsi keempat ialah bahasa bermanfaat untuk berinteraksi sesama manusia agar komunikasi berjalan dengan lancar. Fungsi yang kelima ialah bahasa untuk menginterpretasikan diri, mengungkap sesuatu tentang diri serta emosi diri. Keenam, fungsi bahasa sebagai alat untuk memperoleh ilmu pengetahuan. Ia memberikan jawapan kepada soalan seperti mengapa, bagaimana, dimana dan lain-lain. Ketujuh, bahasa sebagai alat imiginasi. Bahasa mampu mencipta idea non-fakta seperti mengisahkan karya sastera (Siti Aminah, 2015).

1.9.3 Simbolisme

Simbolisme ialah penggunaan simbol (lambang) untuk melahirkan atau menyampaikan maksud tertentu. Simbolisme dapat menterjemahkan maksud tersembunyi yang digunakan dalam pertuturan (Braginsky, 1998). Penggunaan petanda atau simbol mewakili makna dan tidak sesuka hati tetapi mempamerkan bahasa kiasan yang penuh dengan unsur simbolik. Simbol ditafsir sebagai petanda yang melambangkan sesuatu perkara dan wujud dalam pelbagai bentuk. Sebahagian simbol wujud dalam lakaran, lukisan, ukiran dan sebagainya untuk memberikan kefahaman kepada manusia yang ditafsir serta





mengandungi maksud dan makna tersendiri. Tafsiran kepada simbol boleh berbeza-beza berdasarkan tahap intelektual mereka (Braginsky, 1994).

Simbol wujud daripada pengaruh sejarah, kehidupan harian, kepercayaan agama dan sentiasa berinteraksi dengan alam sekitar (Muhammad Afandi Yahya, 1995). Puisi melahirkan pemikiran, keinginan, luahan hati, perasaan dan pengalaman hidup digambarkan serta disalurkan oleh pemuisi. Pengamatan puisi memerlukan pemikiran dan nilai yang tinggi untuk menjadikan puisi bermakna.

1.9.4 Puisi

Za'ba dalam Lim Swee Tin (2004:3) mendefinisikan puisi sebagai "karangan berangkap digunakan untuk melafazkan fikiran menggunakan bahasa indah." Puisi sebagai satu penceritaan perasaan mengandungi watak serta meneroka ruang kehidupan manusia (Muhammad Haji Salleh, 2009). Puisi mempunyai matlamat tersendiri berdasarkan tanggapan pembacanya (Haviland, 1972). Pembaca dapat mentafsir makna yang terungkap dalam sesuatu karya.

Konsep sesebuah puisi perlu mempunyai ragam sastera yang bahasanya berkait rapat dengan irama, ritma dan susunan ayatnya. Pemuisi mencipta dunia tersendirinya melalui puisi yang membawa maksud tersendiri seperti pesanan dan menggambarkan sesuatu kejadian. Kekayaan makna terdapat dalam puisi mengandungi kata-kata yang



indah tetapi ringkas dan padat dengan unsur bahasa (Aminuddin, 2004). Bahasa digunakan mengandungi banyak pengertian yang tersurat dan tersirat.

1.9.5 *Pengap*

Menurut Richards, *pengap* ialah puisi adat yang dilafazkan oleh *lemambang* untuk memanggil Tuhan. Tujuannya ialah untuk memohon keberkatan (Richards, 1981). Tuhan bagi masyarakat Iban ialah *Petara*. Mengikut Sutlive dan Sutlive (1994, p. 201) *pengap* ialah “*an invocation of deities sung at major festivals (mengap).*” *Pengap* selalunya disampaikan semasa *pesta gawai* kecuali *gawai antu*. Menurut Masing (1981) Tuhan dipanggil ke dunia atas jemputan para wira roh, pahlawan dan Tuhan-Tuhan malaikat.

Kamus Dewan Iban-Malayu Edisi Kedua (2016, p. 494) menjelaskan bahawa *pengap* mantera dinyanyikan sepanjang atau selama beberapa malam oleh orang yang mengambil bahagian dalam upacara perubatan atau pemujaan.

Pengap boleh menjadi medium penyampai di antara manusia dengan Tuhan dan makluk halus (Untie, 2000). Menurut buku *Sereba Reti Jaku Iban*, *pengap* ialah puisi invokasi yang dilafazkan oleh *lemambang* untuk menjemput *Petara* atau dewa bertandang ke *gawai* yang dirayakan untuk tujuan meminta kesejahteraan, kesihatan dan sebagainya.

1.9.6 *Gawai Pangkung Tiang*

Gawai pangkung tiang merupakan perayaan pindah rumah yang wajib dijalankan oleh masyarakat Iban. Sekiranya rumah dibina telah siap dan kukuh, pemilik rumah perlu mengadakan *gawai niat* yang digelar sebagai *gawai pangkung tiang*. Tujuan *gawai* ini diadakan adalah untuk meminta keberkatan seperti meminta harta, kekayaan daripada *Petara* (dewa) iaitu Anda Mara Raja Tuah (Sandin, 1976). Namun begitu, sekiranya rumah yang dibina tidak kukuh dan kuat, tuan rumah tidak wajib untuk mengadakan *gawai pangkung tiang*.

Sekiranya perayaan ini tidak dijalankan sebelum pindah rumah ataupun mendiami rumah tersebut maka rumah tersebut tidak selamat untuk didiami dan terdapat banyak pantang (*penti pemali*). *Gawai pangkung tiang* harus dijalankan terlebih dahulu sebelum menjalankan perayaan lain di sebuah rumah. Setelah *gawai* ini dijalankan maka lain-lain *gawai* boleh diadakan di rumah tersebut (Sandin, 1976). Oleh kerana *gawai* ini sangat rumit, maka seorang ketua yang sangat mahir diperlukan untuk menentukan aturan *gawai*. Ia bertujuan supaya rumah tersebut tidak ditimpa sial dan diberkati oleh *Petara* (dewa).

Mereka yang menjadi ketua adat (*lemambah gawai*) diberi dua peranan, iaitu *pedara* berfungsi untuk menghalau burung yang membawa kejahanan ditinggalkan di tanah dan burung yang membawa kebaikan dijemput untuk datang ke rumah (Sandin, 1976). Maksudnya ialah sesuatu yang membawa tuah dan keberkatan tinggal di dalam rumah dan yang membawa kejahanan ditinggalkan.

Selepas itu, *lemambahang* masuk ke dalam rumah lalu berjalan di *ruai* secara ulang alik sebelum menuju tempat pemujaan (*pandung*) di *ruai tuai rumah*. Apabila sampai di *pandung*, mereka menjalankan upacara *miring* (Sandin, 1976). *Pandung* yang utama dan besar didirikan di *ruai tuai rumah* sementara semua rumah perlu memiliki *pandung* mereka sendiri tetapi lebih kecil daripada *pandung utama*.

Apabila *pandung* selesai didirikan, *lemambahang* akan naik ke rumah dan diikuti oleh tetamu yang lain dijemput untuk merayakan *gawai* itu. *Lemambahang* didahulukan bagi menghormatinya sebagai *ketuai gawai* yang mengetuai upacara *mengap*. *Lemambahang* mengatur upacara *mengap*. Upacara ini akan dilakukan sepanjang malam. Tetamu lain perlu bersama dengan pemilik rumah panjang untuk bermain gendang dan besuka bria sehingga pagi (Sutlive, 1989).

Semasa *lemambahang* ingin *mangkung tiang* (mengetuk tiang rumah) peralatan yang perlu ada ialah buluh yang mengandungi nasi pulut dan kayu *lemuni*. *Piring* dan air *tuak* mesti disediakan. Air yang disediakan digunakan untuk menyimbah tiang dan batu untuk mencuci tiang. Tiang tersebut disapu dengan *engkelih* (minyak wangi). Buluh nasi pulut digunakan untuk mengetuk tiang yang telah *dipengap* dan dijampi untuk memanggil *Petara* (dewa). Tiang tersebut dinyakini dapat membawa keamanan, kebahagiaan, kesihatan, kekayaan dan kekuasaan kepada pemilik rumah (Steinmayer, 1990).



Sebaik sahaja selesai upacara tersebut, *lemambahang* melagukan puisi *pengap* di sepanjang *ruai*. Tujuannya ialah untuk memanggil *Petara* (dewa). Melagukan puisi *pengap* akan diteruskan setelah kedengaran ayam berkокok iaitu sehingga subuh. Tiang utama *dipengap* lalu diyakini hidup supaya dapat menyokong dan memberikan kekuatan kepada tiang yang lain (Sandin, 1976).

Lemambahang masuk ke setiap ruang bilik di rumah panjang sambil mengetuk tiang setiap pintu *bilik* (rumah). Selepas selesai mengetuk setiap tiang di pintu bilik, maka *lemambahang* balik semula ke *pandung* utama. *Pandung* akan dibuka dan dilerakan. Tetamu dan *lemambahang* boleh beredar sebagai tanda *gawai* sudah selesai dan rumah tersebut selamat untuk didiami (Sandin, 1976).



1.10 Kesimpulan

Bab ini banyak menceritakan tentang latar belakang kehidupan masyarakat Iban di rumah panjang. Oleh kerana orang Iban mengutamakan perpaduan dan toleransi, maka mereka memiliki pelbagai budaya. *Leka main* adalah salah satu budaya yang masih diamalkan oleh mereka sehingga ke hari ini. Bab ini juga menceritakan secara umum berkenaan *jenis leka main* masyarakat Iban. *Pengap* merupakan tajuk yang dikaji oleh penulis. Dengan itu, serba sedikit tentang *pengap* diceritakan oleh pengkaji yang meliputi asal usul *pengap*.

Turut dibincangkan adalah serba sedikit tentang kepercayaan orang Iban. Mereka percaya kepada bunyi burung, *menua sebayan* (alam kematian) dan banyak lagi



kepercayaan orang Iban yang diceritakan oleh pengkaji secara umum. Pengkaji menceritakan tentang tradisi *mengayau* masyarakat Iban. Amalan ini tidak lagi diamalkan pada hari ini kerana ianya sudah tidak relevan untuk diamalkan.

Masyarakat Iban merupakan etnik yang sangat unik di Sarawak. Mereka memiliki pelbagai budaya yang sangat rumit untuk dipelajari oleh generasi muda pada hari ini. Keunikan budaya ini harus dikekalkan dan dipelajari oleh generasi akan datang. Walaupun dalam era globalisasi, aspek budaya lama tidak harus dilupakan. Budaya ini mesti disesuaikan dengan perubahan pada masa kini supaya ianya masih relevan diamalkan oleh masyarakat Iban pada hari ini.



05-4506832

Masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang berupaya mencipta budaya yang

pelbagai kerana mereka sangat mementingkan nilai kemasyarakatan. Masyarakat Iban sangat mengagumi seorang *lemambah* kerana bukan mudah untuk menjadi seorang *lemambah*. Belajar untuk menzahirkan *leka main* tidak boleh melalui buku. Ini kerana masyarakat dahulu kurang mendokumentasikan *leka main*. Cara yang paling mudah untuk mempelajari *leka main* ialah melalui lisan dan kebolehan semula jadi.

Masyarakat hari ini harus bersifat terbuka menerima budaya asal. Ini kerana budaya sebagai identiti kaum masing-masing. Sifat terbuka ini membolehkan generasi muda berminat untuk mempelajari budaya kaum sendiri kerana pendedahan yang diberikan kepada mereka. Justeru, pengaruh agama kristian tidak boleh dianggap menghapuskan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

41

identiti budaya masyarakat. Penganut agama kristian dalam kalangan orang Iban harus lebih terbuka. Masyarakat Iban melihat budaya sebagai amalan hidup yang harus diwarisi.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi